



30 OCT, 2021

## My Best Buy FAMA kembali beroperasi

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2



Abdul Rashid (tiga dari kanan) beramah mesra dengan peniaga pada Program Jualan My Best Buy (MBB) di ibu pejabat FAMA Bandar Baru Selayang pada Jumaat.

### My Best Buy FAMA kembali beroperasi

**KUALA LUMPUR** - Program My Best Buy (MBB) anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dibuka semula pada Jumaat selepas hampir tujuh bulan tidak beroperasi susulan perintah kawalan pergerakan (PKP).

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FAMA, Abdul Rashid Bahri berkata, pihaknya menerima banyak permintaan daripada petani dan penduduk kawasan sekitar supaya MBB dibuka.

“Mereka sudah tahu setiap hari Jumaat minggu terakhir setiap bulan, mesti FAMA akan buat jualan di sini (Ibu Pejabat FAMA), tidak pernah tidak buat

sejak beberapa tahun kita di sini. Ramai bertanyakan melalui media sosial kita, akhirnya selepas masuk Fasa Empat Pelan Pemulihan Negara baru kita boleh buka (MBB),” katanya.

Abdul Rashid berkata, MBB bertujuan mengurangkan kos sara hidup penduduk di kawasan bandar selain memberi peluang kepada petani untuk menjual hasil tanaman mereka secara terus kepada pengguna pada harga mampu milik.

Sebanyak 34 lot jualan terdiri daripada pelbagai buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman kontan serta produk makanan ditawarkan pada Jumaat. - *Bernama*



30 OCT, 2021

## My Best Buy FAMA kembali beroperasi

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUALA LUMPUR - Program My Best Buy (MBB) anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dibuka semula pada Jumaat selepas hampir tujuh bulan tidak beroperasi susulan perintah kawalan pergerakan (PKP). Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) FAMA, Abdul Rashid Bahri berkata, pihaknya menerima banyak permintaan daripada petani dan penduduk kawasan sekitar supaya MBB dibuka.